

# Kong Siak Hua menang Anugerah Khas Pengarah UMS-KAL

Socially  
awards

LABUAN: Pelajar Tahun Tiga kursus Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20), Kong Siak Hua memenangi Anugerah Khas Pengarah sempena Majlis Anugerah Dekan dan Perpindahan Pelajar Tahun Tiga Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) di Hotel Tiara, baru-baru ini.

Bagi Anugerah Zainal Abidin Said pula disandang oleh pelajar Tahun Tiga jurusan Kewangan Islam (HE23), Siti Adawiyah Zulkarnain.

Kedua-duanya menerima anugerah itu daripada Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang Al-Haj.

Turut hadir Dekan SPKAL, Dr Rosita Chong Abdullah, Timbalan-Timbalan Dekan, Mohd Zulkeflee Abd Razak (Akademik dan Hal Ehwal Pelajar) dan Dr Lim Kian Ping (Penyelidikan dan Inovasi) serta Pengarah Program Nostalgia Night Sesi 2010, Alex Lim Boon Lung.

Sementara itu, Ng See Leong mendapat

tempat pertama Research Paper Competition untuk membawa pulang wang tunai RM900 dan sijil penghargaan.

Tempat kedua dimenangi Lim Yong Siong yang menerima RM600 dan ketiga Samantha Lee RM400 serta sijil penghargaan.

Enam pelajar yang lain menerima saguhati RM100 serta sijil penghargaan iaitu Elonselvi A/P Arumugam, Chong Phui Yong, Noor-mansah Nordin, Gan Lay Choo, Liu Chiew Tieng dan Teoh Sze Sheng.

Pada majlis itu juga empat Pensyarah SPKAL turut menerima anugerah iaitu Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki memenangi Anugerah Most Charismatic Lecturer, Most Dedicated Lecturer, Hanudin Amin, Most Popular Lecturer, Khaw Ai Ling dan Most Stylish Lecturer, Mohd Zulkeflee Abd Razak.

Sementara itu, Mohd Faidullah Siddek dan Roseline Tiong Sui Pei dipilih penerima Anugerah King dan Queen Nostalgia Night 2010 anjuran Persatuan Mahasiswa SPKAL Sesi 2010. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainudin@newsabahtimes.com.my)**